



Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) mempelawa semua Lulusan SPM/Setaraf Tahun 2009 untuk mengikuti Program Asasi Perubatan Pertahanan mulai Sesi Akademik 2010/2011.

Syarat Program Asasi Perubatan Pertahanan adalah seperti berikut :

| Program dan Tempoh Pengajian | Syarat Minimum (Kategori A) |
|------------------------------|--|
| | <p style="text-align: center;">Syarat Am Universiti</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Warganegara Malaysia; dan 2. Lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya lima (5) kepujian termasuk Bahasa Melayu. 3. Memenuhi syarat ketenteraan bagi lantikan Pegawai Kadet <ul style="list-style-type: none"> • Umur : 17 tahun 6 bulan hingga 20 tahun • Tinggi (minimum) : 1.57 m (lelaki) : 1.47 m (perempuan) • Berat (minimum) : 47.5 kg (lelaki) : 40.5 kg (perempuan) • Ukuran dada (minimum) : 76 sm (lelaki shj) • Body Mass Index : 18-24 • Taraf perkahwinan : Bujang • Penglihatan : Tidak cacat penglihatan dan tidak rabun warna serta tidak memakai cermin mata. • Calon mestilah tidak mempunyai tapak kaki rata (<i>flat foot</i>). • Calon mestilah tiada sebarang kecacatan atau |

| | |
|--|--|
| | <p>kecederaan dan tidak mempunyai penyakit keturunan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kesihatan : Diakui sihat dan tidak cacat anggota oleh Pegawai Perubatan Kerajaan termasuk pemeriksaan x-ray serta disahkan oleh Pegawai Perubatan Angkatan Tentera Malaysia <p>4. Lulus ujian dan temuduga</p> |
| <p>Program Asasi Perubatan Pertahanan (Z0080)</p> <p>2 semester / 1 tahun</p> <p>(terbuka kepada Aliran Sains)</p> | <p>Memenuhi Syarat Am Universiti dan Syarat Khas Program</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mendapat sekurang-kurangnya Gred B+ dalam mata pelajaran berikut : <ul style="list-style-type: none"> • Biologi • Kimia 2. Mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam mata pelajaran berikut : <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Inggeris • Fizik • Matematik / Matematik Tambahan |

Selain daripada itu, UPMN juga menawarkan Program Asasi Pertahanan yang lain, iaitu :

- Asasi Kejuruteraan Pertahanan (Z0440)
- Asasi Sains dan Teknologi Pertahanan (Z0880)
- Asasi Pengurusan Sumber Pertahanan (Z0220)

Pemohon dikehendaki meletakkan UPMN sebagai **Pilihan Pertama** dalam permohonan secara dalam talian oleh Unit Pusat Universiti (UPU).

Program Temuduga adalah seperti berikut :

- Diadakan pada bulan April setiap tahun.
- Dijalankan selama 7-9 hari.
- Penginapan dan sajian akan ditanggung.
- Akan dijalankan di kem-kem tentera di Semenanjung Malaysia.
- Bagi Sabah, di Kem Lok Kawi.
- Bagi Sarawak, di Kem Penrissen
- Calon akan dimaklumkan melalui SMS

Ujian-ujian temuduga yang akan dijalankan adalah seperti berikut :

- Ujian BMI (18 hingga 24) serta kesihatan
- Ujian kecerdasan akal
- Ujian merancang
- Ujian pengetahuan am
- Ujian syarahan
- Ujian kepimpinan
- Ujian larian (3.2 km dalam masa 18 minit)
- Ujian merempuh halangan

Permohonan hendaklah dikemukakan secara dalam talian. Laman sesawang adalah <http://upu.mohe.gov.my>

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada :

Penolong Pendaftar
Unit Kemasukan dan Promosi
Bahagian Pengurusan Akademik
Jabatan Pendaftar
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Kem Sg. Besi
57000 Kuala Lumpur
Telefon : 03-90513400 / 3453 / 3407
Fax : 03-90562511
Laman Web : www.upnm.edu.my